



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

i

**KEUSAHAWANAN SOSIAL DAN KEMAHIRAN INSANIAH
PELAJAR *ENACTUS* UNIVERSITI AWAM DI ZON
TENGAH SEMENANJUNG MALAYSIA**

ROHAIDA BINTI ABDUL HAMID



DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH ptbupsi
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PERNIAGAAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap keusahawanan sosial dan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar program *Entrepreneurship Act Us (ENACTUS)* Universiti Awam (UA) di Zon Tengah Semenanjung Malaysia. Kajian ini turut mengenal pasti hubungan antara keusahawanan sosial dan kemahiran insaniah serta kesan keusahawanan sosial terhadap kemahiran insaniah pelajar. Sampel kajian melibatkan 189 pelajar ENACTUS dari tiga buah UA iaitu Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Shah Alam. Kajian menggunakan persampelan rawak mudah dengan soal selidik sebagai instrumen. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis deskriptif untuk menentukan tahap keusahawanan sosial dan kemahiran insaniah pelajar. Manakala analisis inferensi digunakan untuk menguji hipotesis kajian. Dapatkan kajian menunjukkan tahap keusahawanan sosial ($\text{min} = 4.25$) dan kemahiran insaniah pelajar ($\text{min} = 4.11$) adalah tinggi. Kajian juga mendapati wujud korelasi sederhana positif ($r=0.58$, $p<0.01$) antara keusahawanan sosial dan kemahiran insaniah pelajar. Elemen-elemen dalam keusahawanan sosial juga didapati menyumbang kepada peningkatan skor varians (34.6%) dalam kemahiran insaniah pelajar. Hasil kajian ini boleh dimanfaatkan dalam merancang dan melaksanakan program bercorak keusahawanan sosial bagi menghasilkan graduan dengan kemahiran insaniah yang tinggi.





SOCIAL ENTREPRENEURSHIP AND SOFT SKILLS AMONG ENACTUS STUDENTS OF PUBLIC UNIVERSITIES IN CENTRAL ZONE OF PENINSULAR MALAYSIA

ABSTRACT

This study aims to identify the level of social entrepreneurship and soft skills among *Entrepreneurship Act Us (ENACTUS)* students of public universities in central zone of Peninsular Malaysia. This study also identifies the relationship between social entrepreneurship and soft skills, and the effect of social entrepreneurship towards students' soft skills. Sample used in this study consists of 189 ENACTUS students from three public universities namely Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), International Islamic University of Malaysia (IIUM) and Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam Campus. Simple random sampling technique is used with questionnaires as research instruments. Descriptive statistics were used to describe the level of social entrepreneurship and soft skills among students. Meanwhile, inferential statistics were used to test the research hypotheses. The findings showed a high level of social entrepreneurship (mean = 4.25) and soft skills (mean = 4.11) among students. The findings also indicate a moderate positive correlation ($r=0.58$, $p<0.01$) between social entrepreneurship and soft skills. Social entrepreneurship elements were also identified to contribute towards the increase in the variance scores (34.6%) of soft skills among students. These findings can be used to plan and execute social entrepreneurship-oriented programs in producing graduates with high level of soft skills.





KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv



BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Objektif kajian	10
1.5 Persoalan Kajian	11
1.6 Hipotesis Kajian	12
1.7 Kepentingan Kajian	11
1.8 Skop dan Batasan Kajian	14
1.9 Kerangka Konseptual Kajian	15
1.10 Definisi Operasional	19
1.11 Rumusan	24



BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	25
2.2	Penglibatan Pelajar	26
2.2.1	Teori Penglibatan Astin (1999)	26
2.2.2	Teori Astin dan Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum	27
2.2.3	Aktiviti Kokurikulum dan Perkembangan Kendiri Pelajar	30
2.3	Konsep Keusahawanan Sosial	31
2.3.1	Latar Belakang Keusahawanan Sosial	31
2.3.2	Keusahawanan Sosial di Malaysia	32
2.3.3	Definisi Keusahawanan Sosial	33
2.3.4	Peranan Usahawan Sosial	34
2.3.5	Model Dimensi Keusahawanan Sosial (Nicholls dan Cho 2008)	36
2.3.6	Penglibatan Pelajar Dalam Keusahawanan Sosial Melalui <i>ENACTUS</i>	38
2.4	Konsep Kemahiran Insaniah	39
2.5	Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (2006)	42
2.6	Kajian Lepas Berkaitan Keusahawanan Sosial dan Kemahiran Insaniah	46
2.7	Rumusan	48

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	49
3.2 Reka Bentuk Kajian	50
3.3 Populasi dan Sampel Kajian	52
3.4 Instrumen Kajian	55
3.5 Kajian Rintis	58
3.6 Tatacara Pemerolehan Data	60
3.7 Tatacara Penganalisisan Data	61
3.8 Rumusan	64

**BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	65
4.2 Analisis Deskriptif	
4.2.1 Profil Responden Kajian	66
4.2.2 Tahap Keusahawanan Sosial Pelajar <i>ENACTUS</i>	69
4.2.3 Tahap Kemahiran Insaniah Pelajar <i>ENACTUS</i>	70
4.3 Analisis Inferensi	
4.3.1 Hubungan Antara Keusahawanan Sosial Dengan Kemahiran Insaniah	71
4.3.2 Kesan Keusahawanan Sosial Terhadap Kemahiran Insaniah	73
4.4 Ujian Normaliti	75
4.5 Rumusan	79



**BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1 Pengenalan	80
5.2 Ringkasan Kajian	81
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian Latar Belakang Responden	82
5.4 Perbincangan Dapatan Kajian	83
5.4.1 Tahap Keusahawanan Sosial Pelajar <i>ENACTUS</i>	83
5.4.2 Tahap Kemahiran Insaniah Pelajar <i>ENACTUS</i>	84
5.4.3 Hubungan Antara Keusahawanan Sosial Dengan Kemahiran Insaniah	85
5.4.4 Kesan Keusahawanan Sosial Terhadap Kemahiran Insaniah	86
5.5 Rumusan Kajian	87
5.6 Implikasi Kajian	88
5.7 Cadangan Kajian Lanjutan	89
5.8 Kesimpulan	90
RUJUKAN	92
LAMPIRAN	101





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1	Senarai UA dan IPTS yang menyertai <i>ENACTUS</i> 6
3.1	Bilangan pelajar UA Zon Tengah Semenanjung Malaysia yang Terlibat Secara Aktif dalam <i>ENACTUS</i> pada tahun 2016 54
3.2	Bahagian-Bahagian Utama Dalam Instrumen Kajian 57
3.3	Dapatan nilai pekali kebolehpercayaan Alpha Cronbach bagi kajian rintis 59
4.1	Taburan Keseluruhan Responden Mengikut Demografi 67
4.2	Interpretasi Skor Min Dalam Pembolehubah Bebas dan Bersandar 69
4.3	Tahap Keusahawanan Sosial Pelajar <i>ENACTUS</i> 69
4.4	Tahap Kemahiran Insaniah Pelajar <i>ENACTUS</i> 70
4.5	Aras Kekuatan Nilai Pekali Korelasi 72
4.6	Keputusan Ujian Korelasi Antara Keusahawanan Sosial dan Kemahiran Insaniah 72
4.7	Keputusan Ujian Normaliti 75
4.8	Ujian Regresi Hubungan Keusahawanan Sosial dengan Kemahiran Insaniah 76
4.9	Analisis Varians (ANOVA) 77
4.10	Analisis Regresi Linear Pelbagai Bagi Meramal Kesan Keusahawanan Sosial ke Atas Kemahiran Insaniah pelajar <i>ENACTUS</i> 78
5.1	Ringkasan Ujian Hipotesis 87





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xii

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	18
4.1 Plot Kumulatif Kebarangkalian Normal Bagi Regresi Keusahawanan Sosial Ke Atas Kemahiran Insaniah	74
4.2 Plot Sebaran Skor Bagi Regresi Keusahawanan Sosial ke Atas Kemahiran Insaniah	74



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

<i>ENACTUS</i>	Entrepreneurial Action Us
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
RMK11	Rancangan Malaysia ke-11
SPSS	Statistical Package for Social Science
UA	Universiti Awam
UIA	Universiti Islam Antarabangsa
UiTM	Universiti Teknologi MARA Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UMK	Universiti Malaysia Kelantan
UNIMAP	Universiti Malaysia Perlis
UPNM	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A	Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)	101
B	Borang Soal Selidik	102
C	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian dari Institut Pengajian Siswazah UPSI	109
D	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian dari Kementerian Pendidikan Tinggi	110
E	Analisis SPSS	111



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Modal insan merupakan aset yang penting dan berharga bagi sesebuah negara yang sedang membangun. Oleh itu pembangunan modal insan amat perlu diberi perhatian dalam menjana dan meningkatkan pencapaian ekonomi negara (Yahaya & Abd. Hair, 2008; Ab.Aziz, 2009). Semasa membentangkan Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11), YAB Perdana Menteri Malaysia menegaskan bahawa modal insan merupakan sumber yang amat penting kepada pembangunan negara. Maju atau mundur sesebuah negara bergantung sepenuhnya kepada kekuatan dan kehebatan nilai, kompetensi dan kemahiran insaniah yang dimiliki modal insan di dalam negara tersebut. Memiliki



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi merupakan faktor terpenting bagi Malaysia untuk mentransformasikan ekonomi ke arah mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 (Muhammad Hazrul, 2012).

Kejayaan dalam agenda pembangunan modal insan amat bergantung kepada kualiti sistem pendidikan negara (Nor Hayati Fatmi Talib, Bani Hidayat Mohd Shafie, Mohd Huzairi Awang @ Husain, Hajarul Bahti Zakaria, Nabiroh Kassim & Jamil Ahmad, 2010). Pendidikan memainkan peranan penting dalam usaha membangunkan modal insan yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketrampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara maju 2020 (Ahmad Esa & Mohamad Zaid, 2010). Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah menterjemahkan hasrat untuk mentransformasi sistem pendidikan negara di semua institusi pengajian tinggi Malaysia melalui Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara iaitu (i) meluaskan akses dan meningkatkan kualiti; (ii) menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran; (iii) memperteguhkan penyelidikan dan inovasi; (iv) memperkasakan institusi pengajian tinggi; (v) mempergiatkan pengantarabangsaan; (vi) membudayakan pembelajaran sepanjang hayat; dan (vii) mengukuhkan sistem penyampaian Kementerian Pengajian Tinggi. Pelan ini akan digunakan sehingga tahun 2020 bagi menjayakan transformasi pengajian tinggi sekaligus bagi melahirkan modal insan yang berkualiti (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2004).

Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia perlu mengorak langkah menuju ke arah pemantapan dan pemerkasaan pembangunan modal insan secara bersepadu dan menyeluruh dengan mengambil kira kemakmuran negara dan kehendak pasaran





kerja (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2006). Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (*Soft Skills*) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia yang telah dilancarkan pada 22 Ogos 2006 bertujuan untuk melahirkan modal insan berkualiti, berketrampilan dan mampu berdaya saing hingga ke peringkat antarabangsa (Mohd Zaki Kamsah, Mohd Salleh Abu & Wahid Razzaly, 2008). Pembangunan modal insan adalah penentu bagi meningkatkan daya saing dan produktiviti negara. Bersesuaian dengan kehendak industri serta pasaran semasa dan pada masa hadapan, pembangunan modal insan perlu dirancang dengan rapi agar dapat meningkatkan bina upaya generasi muda (Ahmad Esa & Mohamad Zaid, 2010).

1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam konteks membangunkan modal insan, kemahiran insaniah adalah intipatinya.



Kemahiran insaniah yang turut sinonim dengan kemahiran generik, *employability*, atau *soft skills* merupakan kemahiran yang dimiliki oleh seseorang untuk berfungsi dengan berkesan sewaktu melakukan aktiviti atau pekerjaan mengikut kemahiran khusus yang dimiliki (Mohd. Salleh Abu, Meor Ibrahim Kamaruddin, Zainuddin Abu Bakar, Mohd Ali Ibrahim, Megat Aman Zahiri Megat Zakaria & Muhammad Abu Hadi Bunyamin, 2010). Kemahiran insaniah adalah sebahagian daripada kemahiran generik yang merujuk kepada penguasaan pelajar dalam kemahiran yang bersifat bukan akademik dan lebih terfokus kepada pembangunan ketrampilan diri, personaliti dan kemanusiaan. Kemahiran ini diperlukan oleh pelajar untuk berjaya dan cemerlang dari pelbagai aspek contohnya pekerjaan dan kehidupan (Fauziah Esman & Rozita Mokhtar, 2014; Rodiah Idris, Siti Rahayah Ariffin, & Noriah Mohd Ishak, 2009).





Kemahiran insaniah boleh dikuasai oleh mahasiswa melalui beberapa cara. Secara umumnya, terdapat dua cara yang membolehkan mahasiswa menguasai kemahiran insaniah iaitu secara pembelajaran langsung melalui penerapan dalam silibus kurikulum dan secara tidak langsung melalui aktiviti di luar bilik kuliah (Mohd Fathi Adnan, Azlan Abdul Latib, Shahrin Hashim & Noor Syafafwati Mamat, 2013). Institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam melahirkan mahasiswa yang berkualiti. Institusi pendidikan bukan sahaja tempat untuk menimba ilmu tetapi ia juga tempat untuk membentuk keterampilan dan personaliti mahasiswa yang menarik. Mahasiswa dididik untuk menjadi pemimpin supaya dapat membangunkan negara kearah negara maju dan harmoni. Mereka perlu memiliki keterampilan, sahsiah dan jati diri yang baik agar negara dapat melahirkan generasi muda yang cemerlang. Di universiti, terdapat banyak platform yang boleh mahasiswa gunakan untuk meningkatkan keterampilan dan personaliti mereka. Antaranya kelab-kelab persatuan, pertubuhan dan badan uniform di universiti yang menyediakan ruang kepada pelajar untuk membentuk kemahiran insaniah mereka (Norazila Mat, Muhammad Syafiq Noordin, Nur Atiqah Abdullah, Nazri Muslim & Jamsari Alias, 2017).

Keusahawanan sosial dilihat mampu menjadi platform yang memberi peluang kepada pelajar untuk meningkatkan kemahiran insaniah bagi menjadikan mereka lebih berdaya saing di pasaran kerja. Penglibatan pelajar dalam keusahawanan sosial membolehkan mereka mendapat manfaat dari segi kemahiran komunikasi, pengetahuan baru, kesopanan, kemahiran penyelesaian masalah, keyakinan diri dan pengalaman berhadapan dengan isu sebenar. Hal ini mampu meningkatkan tahap kebolehpasaran pelajar di pasaran kerja kerana menjadikan mereka berbeza dan lebih menonjol berbanding yang lain. Peluang pekerjaan juga terbuka lebih luas hasil





daripada jaringan dan hubungan yang dibina oleh pelajar semasa terlibat dalam aktiviti keusahawanan sosial (Hardy & Faizah, 2015).

Bagi mencapai matlamat untuk menggalakkan penglibatan pelajar dalam keusahawanan sosial, institusi pendidikan di Malaysia dilihat mampu berperanan sebagai jambatan yang menghubungkan institusi dengan komuniti setempat melalui aktiviti keusahawanan sosial. Hal ini dapat dilihat apabila pelajar telah mula meningkatkan kesedaran tentang perlunya menjadi usahawan untuk mencapai matlamat sosial secara inovatif dalam kelab *Entrepreneurial Action Us (ENACTUS)* yang sebelum ini dikenali sebagai SIFE di seluruh institusi pengajian tinggi (IPT). *ENACTUS* adalah sebuah organisasi antarabangsa bukan kerajaan di bawah Yayasan *ENACTUS* Malaysia (YEM). *ENACTUS* juga merupakan organisasi bukan berdasarkan keuntungan yang menjalin hubungan kerjasama dengan pemimpin perniagaan dan IPT untuk menggerakkan pelajar universiti ke arah usaha membuat perubahan dalam komuniti melalui aktiviti keusahawanan sosial.

Peserta *ENACTUS* terdiri daripada kumpulan pelajar yang mengaplikasikan konsep perniagaan untuk membangunkan projek yang mampu meningkatkan kualiti serta taraf kehidupan golongan sasar yang memerlukan (Radin Siti Aishah Radin A Rahman & Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, 2015). *ENACTUS* membantu pelajar memperoleh kemahiran yang diperlukan untuk menjadi seorang peneraju perniagaan yang mampu memikul tanggungjawab sosial untuk mengubah nasib masyarakat setempat (Hariyat Ab Wahid, Noor Lela Ahmad, Norasmah Othman & Wan Salmuni Wan Mustaffa, 2016). Jadual 1.1 menunjukkan senarai UA dan IPTS yang menyertai *ENACTUS* pada tahun 2016.





Jadual 1.1

Senarai UA dan IPTS yang menyertai ENACTUS

ZON	UA	IPTS
Utara	1. Universiti Utara Malaysia (UUM) 2. Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)	
Selatan	1. Universiti Teknologi Malaysia (UTM) 2. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) 3. Universiti Teknikal Melaka (UTEM)	Tiada
Tengah	1. Universiti Teknologi MARA (UiTM) 2. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 3. Universiti Malaya (UM) 4. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 5. Universiti Putra Malaysia (UPM) 6. Universiti Islam Antarabangsa (UIA)	1. Twintech International University College of Technology 2. Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) 3. Universiti Kuala Lumpur (UNIKL) 4. Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK) 5. Olympia College 6. Tunku Abdul Rahman College (TARC) 7. University of Nottingham 8. Kuala Lumpur Metropolitan University College 9. Taylor's University 10. Universiti Multimedia (MMU) 11. Sunway University College
Pantai Barat	1. Universiti Sains Malaysia (USM) 2. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	1. Universiti Teknologi Petronas (UTP)
Pantai Timur	1. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) 2. Universiti Malaysia Kelantan (UMK) 3. Universiti Malaysia Terengganu (UMT) 4. Universiti Malaysia Pahang (UMP)	Tiada

(Sumber: www.enactusmalaysia.org)





Bidang keusahawanan sosial mula diberi perhatian khusus di beberapa institusi pengajian tinggi. Di samping penglibatan pelajar dalam aktiviti luar bilik kuliah seperti *ENACTUS*, terdapat juga institusi yang menawarkan kursus keusahawanan sosial berbentuk formal seperti di Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Teknologi MARA dan Universiti Malaysia Perlis (Radin Siti Aishah Radin A Rahman, Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, Suhaida Abdul Kadir & Soaib Asimiran, 2013).

1.3 Pernyataan Masalah

Masalah pengangguran dalam kalangan siswazah bukan satu fenomena yang baru di Malaysia (Ahmad Esa, Suhaili & Asri, 2013). Saban tahun, isu ribuan siswazah tidak berjaya mendapat pekerjaan membelenggu semua pihak dan sering dibincangkan di peringkat kementerian dan turut menjadi isu yang sering mendapat perhatian serius pihak media dan masyarakat umum (Abd. Wahid, 2008). Isu ini telah menarik minat ramai pengkaji untuk meneliti dan mengenal pasti punca sebenar yang membawa kepada masalah tersebut (Nooriah Yusof, Zakiah Jamaluddin & Norain Mat Lazim, 2013). Bilangan siswazah menganggur yang semakin meningkat dari setahun ke setahun memberi petunjuk kelemahan sistem pendidikan peringkat tinggi negara dalam melahirkan graduan yang memenuhi keperluan majikan dan industri (Muhammad Hazrul, 2012).

Umumnya, kadar pengangguran di Malaysia bagi Januari 2016 adalah sebanyak 3.4 peratus. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan kadar pengangguran meningkat 0.3 mata peratus. Manakala, kadar pengangguran pelarasan bermusim adalah 3.2 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia 2016). Menurut Norliana Hashim, Chang Peng Kee & Mat Pauzi Abd. Rahman (2016), kebanjiran graduan mencetuskan





fenomena pengangguran dan pastinya menjelaskan kredibiliti seseorang graduan dalam mengungguli bidang pelajaran dan dunia pekerjaan. Masalah luaran ini ditambah dengan masalah dari dalam diri graduan itu sendiri, di mana laporan daripada *The National Graduate Employability Blueprint 2012-2017* menerangkan bahawa masalah yang paling kerap dikenal pasti oleh majikan terhadap graduan adalah lemah dalam penguasaan Bahasa Inggeris (55.8%), sikap dan personaliti yang lemah (37.4%), meminta gaji/ faedah yang tidak realistik (33%), ketidaksepadanan kemahiran (30.2%), memilih kerja (27.7%), tidak berkemampuan untuk menyelesaikan masalah (25.9%) dan kurang pengetahuan yang mendalam (23.8%). Pengukuran ini adalah merupakan permintaan utama industri *Generic Student Attribute* (GSA) dan hal ini jelas menunjukkan bahawa kemahiran ini kurang didapati dalam kalangan graduan yang baru.



Meskipun telah banyak penambahan dilakukan bagi memantapkan lagi tahap kebolehpasaran siswazah IPT, namun masih terdapat banyak rungutan daripada pihak majikan berhubung kualiti graduan yang dihasilkan. Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dikatakan kurang berkeupayaan dalam menyediakan pelajarnya dengan ilmu dan kemahiran yang secukupnya untuk mereka melangkah ke alam pekerjaan (Rosli Saadan, Mohamad Bokhari, Aziz Yahya, Muhd Akmal Noor Rajikon, Syed Najmuddin Syed Hassan & Asiah Mohd Pilus, 2011). Masalah kebolehpasaran siswazah di pasaran kerja seringkali dikaitkan dengan ketidakupayaan mereka menguasai sepenuhnya kemahiran-kemahiran asas insaniah (Hanum Hassan, Razli Ahmad & Lt. Kol. (B) Azuddin Bahari, 2008; Hussain Othman, Berhannudin Mohd Salleh, Syed Muhammad Dawilah al-Edrus dan Abdullah Sulaiman, 2008; Mohd. Fathi et al., 2013). Antara punca yang dikenal pasti menyebabkan siswazah gagal





memperoleh pekerjaan adalah kelemahan mereka berbahasa Inggeris selain penampilan yang kurang menarik (Utusan Malaysia, 4 Oktober 2015).

Dalam era globalisasi kini, pencapaian tahap akademik yang tinggi sahaja tidak mencukupi untuk para graduan diterima terus ke pasaran kerja. Persaingan yang sengit dalam pasaran kerja memerlukan siswazah untuk menjadi lebih kompeten dan berdaya saing lantaran segulung ijazah bukan lagi jaminan untuk siswazah mendapat pekerjaan yang diidamkan (Mohd Zaki et al., 2008; Ivy, 2012). Kebanyakan majikan lebih cenderung untuk memilih pekerja yang mempunyai pelbagai kemahiran tambahan selain daripada kemahiran dalam bidang mereka (Ho, 2006). Selain kemahiran teknikal dan pencapaian akademik yang cemerlang, siswazah perlu melengkapkan diri dengan kemahiran insaniah yang tinggi termasuk komunikasi secara berkesan serta beberapa kemahiran lain seperti kemahiran kepimpinan, kerja berpasukan, pemikiran kritis, keusahawanan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat serta etika moral dan profesional (Hanum et al., 2008; Nawawi Jusoh, Ahmad Esa, Mohd Fadel Alwi & Kamaruddin Khalid, 2012). Hal ini kerana, dalam jangka masa panjang, pekerja yang mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi lebih berdaya saing dan memberikan banyak sumbangan kepada pihak majikan dan industri (Mohd Fathi et al., 2013).

Keperluan terhadap keusahawanan sosial adalah berdasarkan kepada isu-isu berkaitan pendidikan yang bertitik tolak daripada kualiti graduan yang sering dipertikaikan (Rohaida & Hariyaty, 2015). Jika dilihat daripada sudut pembinaan modal insan untuk keperluan negara, kualiti yang wujud dalam diri usahawan sosial perlu dibudayakan kepada pelajar kerana usahawan sosial dilihat sebagai individu





yang mempunyai penyelesaian inovatif kepada masalah sosial yang sedang dihadapi oleh masyarakat (Hariyaty, 2014). Keusahawanan sosial amat perlu dimasukkan sebagai salah satu program pendidikan di IPT ekoran ketidakberkesanan program keusahawanan sedia ada yang memberi tempias kepada ketekalan kualiti dan jati diri graduan yang dihasilkan melalui program serta pendekatan yang lama (Hariyaty Ab Wahid, Norasmah Othman & Mazura Mansor, 2011; Norasmah Othman, Norashidah Hashim & Hariyaty Ab Wahid, 2012).

Meskipun terdapat banyak kajian lepas yang mengkaji berkaitan hubungan antara penglibatan dalam aktiviti luar bilik kuliah dengan kemahiran insaniah pelajar, namun belum ada kajian spesifik yang melihat kesan penglibatan pelajar dalam keusahawanan sosial terhadap kemahiran insaniah mereka. Justeru, kajian ini dirasakan perlu bagi melihat sejauh mana penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan sosial melalui *ENACTUS* mampu meningkatkan kemahiran insaniah pelajar dan seterusnya menjadikan mereka lebih berdaya saing di pasaran kerja.

1.4 Objektif Kajian

1.4.1 Objektif Umum

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara tahap keusahawanan sosial dengan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar ENACTUS Universiti Awam (UA) di Zon Tengah Semenanjung Malaysia.





1.4.2 Objektif Khusus

Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk:

1. mengenal pasti tahap keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar *ENACTUS UA* di Zon Tengah Semenanjung Malaysia.
2. mengenal pasti tahap kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar *ENACTUS UA* di Zon Tengah Semenanjung Malaysia.
3. menentukan hubungan antara keusahawanan sosial dengan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar *ENACTUS UA* di Zon Tengah Semenanjung Malaysia.
4. menganalisis kesan keusahawanan sosial terhadap kepada kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar *ENACTUS UA* di Zon Tengah Semenanjung Malaysia.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan bagi kajian yang dijalankan adalah seperti berikut:

1. Apakah tahap keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar *ENACTUS UA* di Zon Tengah Semenanjung Malaysia?
2. Apakah tahap kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar *ENACTUS UA* di Zon Tengah Semenanjung Malaysia?
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara keusahawanan sosial dengan kemahiran insaniah pelajar *ENACTUS UA* di Zon Tengah Semenanjung Malaysia?
4. Apakah kesan keusahawanan sosial terhadap kemahiran insaniah pelajar *ENACTUS UA* di Zon Tengah Semenanjung Malaysia?

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif kajian, hipotesis-hipotesis nul yang dibentuk untuk kajian ini adalah seperti berikut:

Hipotesis nul untuk persoalan kajian ketiga:

H_{01} : Tidak wujud hubungan yang signifikan antara keusahawanan sosial dengan kemahiran insaniah pelajar *ENACTUS UA* di Zon Tengah Semenanjung Malaysia.





Hipotesis nul untuk persoalan kajian keempat:

H_{02} : Keusahawanan sosial tidak memberi kesan secara signifikan kepada kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar *ENACTUS UA* di Zon Tengah Semenanjung Malaysia.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan berkaitan hubungan antara penglibatan dalam keusahawanan sosial dengan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar *ENACTUS* Universiti Awam di Zon Tengah Semenanjung Malaysia. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak tertentu seperti:

1.7.1 Kementerian Pendidikan Tinggi

Kajian ini diharap dapat membantu pihak Kementerian Pendidikan Tinggi untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan dalam melahirkan siswazah yang mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi serta mampu menjadi penggerak kepada aktiviti keusahawanan sosial. Di samping itu, kajian ini boleh dimanfaatkan dan dijadikan panduan oleh perancang program latihan siswazah di Kementerian Pendidikan Tinggi untuk merangka aktiviti keusahawanan yang memberi lebih impak bukan sahaja kepada siswazah malahan masyarakat setempat.

1.7.2 Universiti Awam (UA)

Kajian ini penting dalam membantu pihak pentadbir di Universiti Awam untuk merangka strategi serta pendekatan keusahawanan sosial yang berkesan dalam usaha menerapkan kemahiran insaniah kepada pelajar dan menjadikan pelajar lebih berdaya saing.





1.7.3 Yayasan ENACTUS Malaysia (YEM)

Dapatan daripada kajian ini boleh digunakan oleh Yayasan ENACTUS Malaysia sebagai rujukan untuk mengenal pasti keberkesanan dan impak program yang mereka laksanakan. Hasil kajian ini boleh dimanfaatkan untuk menambah baik aktiviti dan program *ENACTUS* agar selaras dengan prinsip dan keperluan keusahawanan sosial, di samping meningkatkan kompetensi dan kemahiran insaniah pelajar.

1.7.4 Siswazah

Hasil kajian ini boleh dijadikan panduan oleh para siswazah untuk meneroka laluan kerjaya baru melalui penglibatan dalam keusahawanan sosial. Siswazah juga mendapat input bermakna tentang manfaat yang diperoleh apabila melibatkan diri dalam aktiviti atau program keusahawanan sosial.



1.7.5 Pensyarah di Universiti Awam

Kajian ini diharap dapat membantu para pensyarah mempertingkatkan peranan mereka dalam menggalakkan pelajar untuk terlibat dalam aktiviti bercorak keusahawanan sosial. Pensyarah juga diharap lebih berperanan dalam merangka aktiviti yang boleh meningkatkan kemahiran insaniah pelajar sebagai bekalan untuk mereka menempuh alam pekerjaan.

1.7.6 Pengkaji Keusahawanan Sosial

Pengkaji yang berminat untuk menjalankan kajian berkaitan keusahawanan sosial dan kemahiran insaniah boleh menjadikan kajian ini sebagai rujukan. Himpunan literatur berkaitan keusahawanan sosial, kemahiran insaniah dan program ENACTUS boleh dijadikan panduan untuk membuat kajian lanjutan.





1.8 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini dilaksanakan ke atas pelajar-pelajar UA di Zon Tengah Semenanjung Malaysia yang terlibat dalam keusahawanan sosial melalui program *ENACTUS*. Sampel kajian untuk mengukur dimensi keusahawanan sosial adalah terdiri daripada pelajar-pelajar UA yang aktif menyertai program *ENACTUS* sahaja. Oleh itu, data-data yang diperoleh hanya terbatas kepada keusahawanan sosial dalam kalangan peserta yang terlibat dalam program tersebut. Data juga terhad kepada item-item yang dikemukakan dalam soal selidik sahaja dan pengkaji membuat andaian bahawa responden akan memberikan maklumat yang tepat dan jujur semasa menjawab set soal selidik yang diberikan.



Di samping itu, boleh ubah bagi kajian ini terhad kepada tujuan kajian ini sahaja. Kajian ini hanya memfokuskan kepada penglibatan dalam keusahawanan sosial dan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar UA yang aktif menyertai program *ENACTUS*. Elemen dalam kemahiran insaniah berpandukan sepenuhnya kepada Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah untuk Institusi Pengajaran Tinggi Malaysia oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006). Elemen kemahiran insaniah yang diukur hanya melibatkan Kemahiran Insaniah Mesti (KIM) sahaja.

Kajian ini adalah kajian tinjauan berbentuk kuantitatif yang dilaksanakan untuk mengenal pasti tahap penglibatan dalam keusahawanan sosial dan kemahiran insaniah pelajar UA di Zon Tengah Semenanjung Malaysia yang terlibat dalam program *ENACTUS* serta sumbangan penglibatan dalam keusahawanan sosial terhadap kemahiran insaniah pelajar yang terlibat dalam program tersebut. Justeru,





setiap dapatan dan perbincangan hanya terhad kepada populasi dalam kajian ini sahaja.

1.9 Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan kerangka konseptual yang dibentuk melalui teori dan model-model yang berkaitan. Dalam menerangkan berkaitan keusahawanan sosial, Model Dimensi Keusahawanan Sosial oleh Nicholls dan Cho (2008) digunakan. Dalam model ini, terdapat tiga dimensi keusahawanan sosial iaitu kesosialan, inovasi dan orientasi pasaran. Kesosialan merupakan dimensi yang melihat sejauh mana sesebuah organisasi berusaha dengan tujuan untuk memajukan objektif sosial secara berkesan (Nicholls & Cho, 2008).



Inovasi pula adalah dimensi yang penting dalam mendefinisikan usahawan sosial yang sentiasa mensasarkan kepada perubahan yang sistematik. Tidak seperti usahawan perniagaan yang bermotivasi keuntungan, usahawan sosial lebih bermotivasi untuk menambah baik masyarakat. Usahawan sosial merupakan agen perubahan untuk masyarakat di mana mereka menyambar peluang yang tidak disedari oleh orang lain serta memperbaiki sistem, merekacipta pendekatan baru dan mencipta penyelesaian yang kukuh untuk mengubah masyarakat ke arah yang lebih baik. (Nicholls & Cho, 2008).

Melalui dimensi orientasi pasaran, Nicholls dan Cho (2008) membuat perbandingan dengan orientasi pasaran dalam konteks ekonomi. Berdasarkan kajian mereka, usahawan Austria biasanya akan mengeksplorasi peluang arbitraj di mana mereka membeli dengan harga yang murah dan menjual pada harga yang lebih tinggi.





Mereka dimotivasikan oleh keuntungan dan sentiasa mencari peluang menjana kecekapan untuk menghasilkan lebih banyak peluang arbitraj yang sebegini. Berbeza dengan orientasi pasaran dalam konteks keusahawanan sosial di mana prinsipnya tidak semestinya arbitraj tetapi melibatkan pencarian yang rasional untuk memperoleh pulangan kewangan. Di dalam spektrum keusahawanan sosial, pendekatan orientasi pasaran ini relevan dengan usaha niaga yang disebut sebagai perusahaan sosial yang menggabungkan impak sosial dengan aliran pendapatan komersial (Nicholls & Cho, 2008).

Bagi menerangkan berkaitan pembolehubah bersandar iaitu kemahiran insaniah, Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft-Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006) digunakan. Pada dasarnya, terdapat tujuh elemen kemahiran insaniah dalam modul tersebut iaitu kemahiran berkomunikasi; pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah; kemahiran kerja berpasukan; pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat; kemahiran keusahawan; etika dan moral profesional; dan kemahiran kepimpinan. Setiap elemen berkenaan boleh dimurni dan diperincikan kepada dua kumpulan iaitu Kemahiran Insaniah Mesti (KIM) dan Kemahiran Insaniah Tambahan (KIT) (Kementerian Pengajian Tinggi, 2006).

Kemahiran Insaniah Mesti (KIM) merupakan kemahiran yang mesti dimiliki oleh setiap pelajar IPT. Jika kemahiran ini tidak ada, pelajar dianggap tidak kompeten dalam elemen berkaitan. Kemahiran Insaniah Tambahan (KIT) dianggap sebagai kemahiran generik yang memberi nilai tambah kepada pelajar. Jika kemahiran ini






dimiliki oleh pelajar bersama KIM, beliau boleh dianggap memiliki kompeten cemerlang dalam elemen berkaitan (Kementerian Pengajian Tinggi, 2006 : 9).

Teori Penglibatan Astin (1999) digunakan untuk melihat hubungan antara penglibatan dalam keusahawanan sosial dengan kemahiran insaniah pelajar. Penglibatan bermaksud usaha berbentuk fizikal dan psikologikal yang ditumpukan oleh pelajar terhadap pengalaman akademik yang diterima. Teori ini berkait rapat dengan mekanisme tingkah laku yang memudahkan proses pembangunan diri seseorang pelajar (Astin, 1999). Teori ini akan dibincangkan secara terperinci dalam bab dua. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual yang dibentuk melalui model-model tersebut.





Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian (Diadaptasi daripada Model Dimensi Keusahawanan Sosial Nicholls dan Cho (2008), dan Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia, 2006).





1.10 Definisi Operasional

1.10.1 Keusahawanan Sosial

Keusahawanan sosial merupakan aktiviti keusahawanan yang memusatkan fokusnya untuk memberi faedah kepada masyarakat berbanding memaksimakan keuntungan (Tan et al. 2005). Menurut Abu-Saifan (2012), keusahawanan sosial adalah satu bidang di mana usahawan menyesuaikan aktiviti mereka untuk mencapai matlamat unggul iaitu mencipta nilai sosial. Dalam melaksanakannya, mereka selalunya bertindak dengan hanya sedikit atau tiada langsung keinginan untuk mencapai keuntungan peribadi. Dalam kajian ini, keusahawanan sosial merujuk kepada sebarang aktiviti keusahawanan yang berfokuskan memberi manfaat kepada masyarakat yang merangkumi tiga elemen utama iaitu kesosialan, inovasi dan orientasi pasaran.



1.10.2 Kesosialan

Indikator bagi konstruk kesosialan bagi kajian ini merangkumi penggunaan jaringan sosial yang mantap, menambah bilangan kenalan baru, mempelajari budaya hidup sesebuah masyarakat untuk memahami masalah mereka, mempamerkan kesungguhan untuk berbakti kepada masyarakat dan mencari pelbagai sumber untuk membantu masyarakat berusaha memperbaiki kehidupan mereka.

1.10.3 Inovasi

Dalam kajian ini, inovasi merujuk kepada kebolehan seseorang pelajar dalam menggunakan kreativiti dan inovasi terhadap peluang keusahawanan sosial dalam masyarakat di sekelilingnya. Indikator bagi inovasi dalam kajian ini adalah menggerakkan sumber untuk digunakan bagi menyelesaikan masalah sosial, menggabungkan pelbagai strategi untuk melaksanakan rancangan yang dibuat,





memikirkan cara penyelesaian masalah sosial yang tidak difikirkan oleh orang lain dan bertindak sebagai agen perubahan dalam masyarakat.

1.10.4 Orientasi Pasaran

Dalam konteks kajian ini, indikator bagi orientasi pasaran adalah keupayaan pelajar mendapatkan maklumat berkaitan perkembangan keusahawanan sosial daripada persekitaran secara berterusan, mengendali aktiviti keusahawanan sosial sebagai perniagaan bukan untung, mengendali aktiviti keusahawanan sosial sebagai perniagaan dengan tujuan sosial, terlibat dalam mencipta peluang ekonomi untuk populasi masyarakat berpendapatan rendah, terlibat dalam menjana hasil bagi menyokong peluang ekonomi untuk populasi masyarakat berpendapatan rendah dan mencipta lebih banyak peluang perniagaan yang boleh menguntungkan di masa depan.



1.10.5 Kemahiran Insaniah

Kemahiran insaniah yang turut sinonim dengan kemahiran generik, *employability* atau *soft-skills* merupakan kemahiran yang merentasi pelbagai domain pembelajaran merangkumi aspek keperibadian dan kerja berkumpulan. Kemahiran ini merupakan kemahiran yang amat diperlukan majikan pada masa kini. Menurut Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006), tujuh elemen kemahiran insaniah yang dikenal pasti ialah kemahiran berkomunikasi; pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah; kemahiran kerja berpasukan; pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat; kemahiran keusahawan; etika dan moral profesional; dan kemahiran kepimpinan. Kemahiran insaniah yang disenaraikan terbahagi kepada dua kategori iaitu Kemahiran Insaniah Mesti (KIM) dan Kemahiran Insaniah Tambahan (KIT). Kemahiran Insaniah Mesti (KIM) merupakan kemahiran yang mesti dimiliki oleh





setiap pelajar IPT. Jika kemahiran ini tidak ada, pelajar dianggap tidak kompeten dalam elemen berkaitan. Kemahiran Insaniah Tambahan (KIT) dianggap sebagai kemahiran generik yang memberi nilai tambah kepada pelajar. Jika kemahiran ini dimiliki oleh pelajar bersama KIM, beliau boleh dianggap memiliki kompeten cemerlang dalam elemen berkaitan. Dalam kajian ini, hanya Kemahiran Insaniah Mesti (KIM) yang dijadikan indikator dalam mengukur tahap kemahiran insaniah pelajar.

1.10.6 Kemahiran Berkomunikasi

Dalam konteks kajian ini, indikator bagi kemahiran berkomunikasi merangkumi keupayaan pelajar menyampaikan idea dengan jelas, berkesan dan dengan penuh keyakinan secara lisan dan bertulis dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberi maklum balas dan kebolehan membuat pembentangan secara jelas dengan penuh keyakinan dan bersesuaian dengan tahap pendengar.

1.10.7 Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah

Dalam kajian ini, indikator bagi pemikiran kritis dan menyelesaikan masalah terdiri daripada kebolehan mengenal pasti masalah dalam pelbagai situasi, kebolehan menganalisis masalah dalam isu yang telah dikenal pasti, kebolehan membuat penilaian dengan memberi justifikasi secara rasional, kebolehan menggunakan kemahiran berfikir (analitik, kritis, kreatif) bersesuaian dengan masalah yang dikenal pasti serta kebolehan menjana idea dalam mencari cara penyelesaian terbaik.





1.10.8 Kemahiran Kerja Berpasukan

Berdasarkan kajian ini, indikator bagi kemahiran kerja berpasukan merangkumi kebolehan untuk membina hubungan baik, berinteraksi dengan orang lain dan bekerja secara efektif bersama untuk mencapai objektif yang sama; kebolehan untuk memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua kumpulan dan ahli kumpulan; kebolehan mengenal dan menghormati sikap, kelakuan dan kepercayaan orang lain; serta kebolehan memberi sumbangan kepada perancangan dan menyelaraskan hasil usaha kumpulan.

1.10.9 Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat

Dalam kajian ini, indikator bagi pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat terdiri daripada kebolehan mencari maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber, kebolehan mengurus maklumat yang relevan dengan menggunakan teknologi yang sesuai serta kebolehan menerima idea baharu untuk mengamalkan pembelajaran kendiri.

1.10.10 Kemahiran Keusahawanan

Bagi kajian ini, indikator bagi kemahiran keusahawan adalah berpandukan kepada Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (2006) iaitu kebolehan mengenal pasti peluang perniagaan; kebolehan merangka perancangan perniagaan; kebolehan membina, meneroka dan merebut peluang perniagaan dan pekerjaan; serta kebolehan untuk bekerja sendiri.





1.10.11 Etika dan Moral Profesional

Indikator bagi etika dan moral profesional dalam kajian ini melibatkan kebolehan memahami kesan ekonomi dalam amalan profesional, kebolehan memahami kesan alam sekitar dalam amalan profesional, kebolehan memahami kesan sosio budaya dalam amalan profesional dan kebolehan membuat keputusan dalam penyelesaian masalah berkaitan etika.

1.10.12 Kemahiran Kepimpinan

Indikator bagi kemahiran kepimpinan dalam kajian ini adalah kebolehan menggunakan pengetahuan tentang teori asas kepimpinan, kebolehan mempengaruhi ahli dalam kumpulan untuk melaksanakan sesuatu projek dan kebolehan menjadi mentor kepada ahli pasukan.



1.10.13 Pelajar

Pelajar merujuk kepada seseorang yang sedang atau dalam keadaan belajar di sebuah institusi pengajian sama ada di peringkat sekolah mahupun di peringkat pengajian tinggi. Dalam konteks kajian ini, pelajar merujuk kepada pelajar UA di Zon Tengah Semenanjung Malaysia yang terlibat secara aktif dalam program *ENACTUS*.

1.10.14 Universiti Awam (UA)

Bermula 9 Mac 2015, istilah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tidak lagi akan digunakan untuk merujuk universiti awam, sebaliknya akan diganti dengan istilah Universiti Awam (UA) berkuat kuasa serta merta (Berita Harian, 10 Mac 2015). Menurut Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, UA di Malaysia dikategorikan kepada tiga kumpulan, iaitu universiti penyelidikan, universiti berfokus (teknikal,





pendidikan, pengurusan dan pertahanan) dan universiti komprehensif. Sehingga kini, terdapat 20 buah UA di negara ini yang terdiri daripada lima universiti penyelidikan, empat universiti komprehensif dan 11 universiti berfokus.

1.11 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini telah menerangkan berkaitan pengenalan dan gambaran awal tentang latar belakang kajian seterusnya menjurus kepada permasalahan yang ingin dikaji. Bab ini yang merupakan nadi kajian telah memperincikan berkaitan pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan kajian, kerangka konseptual kajian dan definisi operasional. Bab berikutnya akan memperincikan kajian-kajian lepas yang akan membantu mengukuhkan lagi kajian ini.

